

Berita Harian Jun 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Ahad 2 Jun 2019	2 Datuk didakwa palsu dokumen	Palsu dokumen	3
2.	Isnin 3 Jun 2019	NFC jamin selesaikan isu tunggakan pinjaman	Pengerusi NFC, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail	4
3.	Selasa 11 Jun 2019	SPRM perlu siasat kes perlombongan di Kuala Koh	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	6
4.	Selasa 11 Jun 2019	16 lokasi tanah Kementerian Pertahanan diceroboh	Kementerian Pertahanan	8
5.	Rabu 12 Jun 2019	Lembaga Pengarah SRC tidak tahu ada surat minta jaminan kerajaan	SRC International	10
6.	Khamis 13 Jun 2019	Kes SRC: RM2 bilion masuk dalam akaun 'misteri' - Saksi	SRC International	12
7.	Isnin 17 Jun 2019	Isu 'land swap' Kementerian Pertahanan: Hishammuddin akan jumpa SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	14
8.	Rabu 19 Jun 2019	Garis panduan kawal hasil hutan	Menteri, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli Dr Xavier Jayakumar	16
9.	Khamis 20 Jun 2019	Najib 'kawal' SRC	Bekas Pengarah SRC International Sdn Bhd, Datuk Suboh Md Yassin	19
10.	Khamis 20 Jun 2019	Saya terima panggilan, diarah meninggalkan negara- Suboh	Bekas Pengarah SRC International Sdn Bhd, Datuk Suboh Md Yassin	22
11.	Isnin 24 Jun 2019	Tiada data lengkap petani punca subsidi baja diseleweng	Felo Penyelidik Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad,	25
12.	Isnin 24 Jun 2019	Inspektor didakwa minta, terima rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	30

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
13.	Selasa 25 Jun 2019	CEO, pegawai kanan syarikat sisa pepejal direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	32
14.	Selasa 25 Jun 2019	Persatuan wartawan, jurugambar antara penerima dana 1MDB - Guan Eng	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	34
15.	Rabu 26 Jun 2019	Pesara, anggota polis didakwa pecah amanah	pecah amanah	36
16.	Rabu 26 Jun 2019	Tiada transaksi babitkan akaun bank Azmin - SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	38
17.	Rabu 26 Jun 2019	40 pertuduhan bekas TPM membabitkan RM47 juta	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	39
18.	Rabu 26 Jun 2019	Zahid didakwa 7 tuduhan terima rasuah dolar Singapura 4.2 juta	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	41
19.	Khamis 27 Jun 2019	Zahid tak mengaku salah 33 tuduhan rasuah	Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi	44
20.	Khamis 27 Jun 2019	Senarai responden terbaru saman lucut hak berkaitan dana 1MDB dikeluarkan 2 minggu lagi	Timbalan Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki	46
21.	Sabtu 29 Jun 2019	Pulangkan wang 1MDB - Guan Eng	1Malaysia Development Berhad (1MDB)	48
22.	Sabtu 29 Jun 2019	Proses pemutihan pesawah, elak ketirisan subsidi baja	Menteri, Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub	50

1. 2 Datuk didakwa palsu dokumen

JOHOR BAHRU: Dua lelaki bergelar Datuk dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, hari ini atas 27 pertuduhan memalsukan borang tarik balik kaveat persendirian bagi 27 lot hartaanah, empat tahun lalu.

Datuk Lee Ban Heng, 51, dan Datuk Chong Chee Heng, 43, bagaimanapun mengaku tidak bersalah bagi semua pertuduhan itu di hadapan Majistret Rasidah Baharom.

Mengikut pertuduhan, Ban Heng dan Chee Heng didakwa bersama-sama memalsukan dokumen bagi 27 lot hartaanah di Mukim Plentong melalui penama, Danny Loo Kheng Soon yang digunakan sebagai tulen kepada Pembantu Tadbir Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor.

Kedua-dua tertuduh didakwa mengetahui dokumen berkenaan adalah palsu, namun menggunakan supaya sekatan kepentingan terhadap tanah terbabit dilepaskan.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang, Kota Iskandar, Iskandar Puteri di sini, pada 30 September 2015.

Mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama, memperuntukkan hukuman penjara maksimum tujuh tahun serta denda, jika sabit kesalahan.

Di mahkamah sama, Kheng Soon, 36, yang juga seorang peguam, mengaku tidak bersalah bagi 27 pertuduhan bersubahat dengan kedua-dua tertuduh bagi melakukan perbuatan terbabit.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di tempat serta masa yang sama dan didakwa mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 468 kanun sama.

Bagi setiap pertuduhan itu, dia berdepan hukuman penjara maksimum tujuh tahun dan denda, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya M Pusppa dan Timbalan Pendakwa Raya Farah Nabihah Muhamad Dan, manakala semua tertuduh diwakili peguam Omar Kutty Abdul Aziz.

Mahkamah membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM38,000 dengan dua orang penjamin dengan syarat tambahan pasport perlu diserahkan kepada mahkamah dan mereka perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan sehingga kes selesai.



Pengerusi NFC, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail

2. NFC jamin selesaikan isu tunggakan pinjaman

KUALA LUMPUR: National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC) akan membayar balik baki tunggakan pinjaman kerajaan menerusi 'full redemption' (penebusan penuh) dalam masa terdekat dengan persetujuan kedua-dua pihak.

Pengerusi NFC, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail, berkata pihaknya akan memberi kerjasama sepenuhnya untuk memastikan isu itu dapat diselesaikan secara terbaik.

"Saya yakin, di bawah kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad, isu ini akan mencapai kata penyelesaian di mana pihak NFC akan membayar balik baki tertunggak pinjaman kepada pihak kerajaan dan aspirasi projek yang penuh dengan potensi akan dipenuhi," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata, pembayaran balik pinjaman itu akan membantu meringankan beban kewangan negara, seperti yang disebut pihak berkuasa sebelum ini.

Mohamad berkata NFC sudah memulakan usaha pemulihan pembangunan dan proses penstrukturran semula syarikat di mana beberapa perbincangan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sudah pun diadakan.

"Pada dasarnya, usaha ini disambut baik, seperti mana diumum oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

"Surat tawaran pembayaran balik pinjaman sepenuhnya sudah diutuskan kepada Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, yang terkini pada 17 Mei lalu. Sehingga kini, pihak NFC belum mendapat apa-apa jawapan," katanya.

Beliau juga mempersoalkan mengapa tindakan Peguam Negara terhadapnya diambil biarpun isu pembayaran balik pinjaman sepenuhnya sudah pun dimaklumkan tujuh bulan lalu, sejak November tahun lalu.

"Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyatakan bahawa saya akan memberi kerjasama sepenuhnya mengikut proses perundangan negara," katanya.

3. SPRM perlu siasat kes perlombongan di Kuala Koh



SHAFIE (tengah) membuat laporan SPRM tentang aktiviti perlombongan tidak sah di Kampung Orang Asli Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan.

TEMERLOH: Dua pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung aktiviti perlombongan tidak berlesen di Kuala Koh, Gua Musang hingga didakwa menjelaskan kesihatan masyarakat Orang Asli di kawasan terbabit.

Ia dibuat Penyelaras Pertubuhan Jaringan Kampung Orang Asli Pahang, Shafie Dris dan Pengurus Pertubuhan Rangkaian Pembangunan Kesinambungan Malaysia, Muhammad Sha'ani Abdullah di pejabat SPRM Temerloh, di sini hari ini.

Shafie berkata, SPRM perlu segera menyiasat agensi berkaitan yang bertanggungjawab memantau aktiviti perlombongan di lokasi berkenaan.

"Insiden di Kuala Koh sangat mengejutkan dan jumlah kematian yang dikatakan mencecah 14 orang tidak boleh dibiarkan tanpa pembelaan. Kita percaya ada sesuatu tidak kena di sana, dengan pencemaran sumber air dipercayai akibat aktiviti melombong dan pembalakan."

"Sudah pasti ada pihak yang berkuasa meluluskan aktiviti itu. Jadi, kita minta SPRM siasat dengan telus perkara ini supaya mereka yang bertanggungjawab dapat menerima hukuman setimpal," katanya.

Sementara itu, Muhammad Sha'ani menjelaskan pihaknya sudah mendengar pelbagai aduan daripada masyarakat Orang Asli sebelum ini, termasuk isu perlombongan di sekitar Tasik Chini.

"Ia sudah lama berlarutan, namun kita tidak nampak penghujungnya. Bukan sahaja di Kuala Koh, Gua Musang atau Tasik Chini sahaja, bahkan boleh dikatakan hampir semua kawasan penempatan Orang Asli berdepan ancaman sebegini, termasuk pembalakan dan perlombongan haram."

"Sepatutnya agensi diberikan amanah menjaga sumber alam ini melakukan tugas dengan baik kerana kita bimbang masalah sebegini tidak akan selesai selagi ada pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan," katanya.

Beliau berkata, pemantauan perlu dilakukan dari sekarang di semua kawasan perkampungan Orang Asli bagi memastikan insiden seperti di Kuala Koh tidak berulang.



4. 16 lokasi tanah Kementerian Pertahanan diceroboh

KUALA LUMPUR: Sebanyak 16 lokasi tanah milik Kementerian Pertahanan dikenal pasti terbabit aktiviti pencerobohan sehingga bulan lalu.

Kementerian Pertahanan dalam satu kenyataan hari ini, berkata pencerobohan itu membabitkan aktiviti pertanian, pembinaan struktur, pembinaan rumah setinggan dan rumah ibadat serta pembalakan haram.

"Keseluruhan tanah dengan keluasan 471,836.64 hektar milik Kementerian Pertahanan kini sedang diduduki Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sebagai tapak kem tentera, tapak lapang sasaran serta kawasan perumahan ATM.

"Tanah Kementerian Pertahanan boleh diklasifikasi kepada empat kategori iaitu Tanah Milik Persekutuan, Tanah Rizab Seksyen 62 Kanun Tanah Negara, Tanah Rizab Fasal 166 Perlembagaan Persekutuan dan tanah di bawah Akta Maneuver 1983," katanya.

Kenyataan itu memaklumkan pencerobohan tanah dilakukan orang awam itu boleh memberi pelbagai implikasi termasuk kerajaan mengalami kerugian kerana tanah milik Persekutuan kegunaan Kementerian Pertahanan diduduki secara haram dan tidak mendatangkan hasil.

Pendudukan secara haram itu juga boleh mendatangkan isu keselamatan terutama tanah dijadikan kawasan tapak lapang sasaran dan manuver sehingga membahayakan keselamatan penceroboh jika pihak tentera mengadakan operasi dan latihan ketenteraan di kawasan itu.

"Pencerobohan ini juga akan membantutkan perancangan pembangunan ATM kerana kesukaran mengeluarkan pengusaha tanah secara haram dari kawasan diceroboh," katanya.

Sementara itu, Kementerian Pertahanan sudah mengambil tindakan dengan mengemukakan permohonan melaksanakan penguatkuasaan kepada Jabatan Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) serta Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri dan mengeluarkan Notis Pengosongan Tapak kepada pihak penceroboh.

Selain itu, beberapa cadangan tindakan akan diambil kementerian iaitu pemasangan pagar di atas keseluruhan tanah dan papan tanda Kawasan Larangan atau Kawasan Tentera serta mewujudkan perjanjian penyewaan atau pajakan tanah tertakluk kepada perancangan pembangunan pihak tentera.

"Kementerian juga akan memohon perintah mahkamah bagi memerintahkan penceroboh mengosongkan tapak dan memerintahkan pihak berkuasa negeri menjalankan operasi penguatkuasaan tanah serta penyerahan semula tanah kepada pihak (JKPTG).

"Orang awam dinasihatkan tidak menceroboh dan jika berminat boleh mengemukakan permohonan kepada JKPTG kerana tanah milik Persekutuan kegunaan kementerian sudah ada pembangunan tersendiri," katanya.



ISMEE Ismail keluar dari kamar Mahkamah pada perbicaraan kes SRC International di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

5. Lembaga Pengarah SRC tidak tahu ada surat minta jaminan kerajaan

KUALA LUMPUR: Lembaga Pengarah SRC International Sdn Bhd tidak pernah dimaklumkan mengenai permohonan syarikat itu mendapatkan jaminan kerajaan bagi permohonan pinjaman RM3.95 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) pada 2011.

Permohonan berkenaan dizahirkan melalui surat ditandatangani Nik Faisal Ariff Kamil selaku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif SRC yang dialamatkan kepada Kementerian Kewangan.

Surat terbabit dikemukakan peguam Harvinderjit Singh, yang memberitahu Mahkamah Tinggi bahawa pihaknya memperoleh dokumen itu daripada pihak pendakwaan.

Harvinderjit mengemukakan surat itu ketika menyoal saksi ke-39 pendakwaan, bekas Ahli Lembaga Pengarah SRC, Tan Sri Ismee Ismail, 54, di Mahkamah Tinggi, di sini, hari ini.

Harvinderjit mencadangkan kepada Ismee bahawa saksi selaku Ahli Lembaga Pengarah SRC tidak diberitahu mengenai surat itu, yang kemudian dijawabnya "Ya."

Harvinderjit: Ini adalah perkara material yang disembunyikan Nik Faisal daripada Lembaga Pengarah?

Saksi: Seharusnya begitu

Harvinderjit: Surat ini membayangkan bahawa Nik Faisal bertindak mewakili syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) (syarikat induk SRC)?

Saksi: Ya

Harvinderjit: Bukankah tiada resolusi yang memberikan kuasa kepada Nik Faisal berbuat begitu bagi pihak 1MDB?

Saksi: Ya

Ismee turut bersetuju dengan cadangan peguam bahawa Lembaga Pengarah SRC tidak diberitahu mengenai pinjaman RM3.95 bilion daripada KWAP melalui Nik Faisal.

Malah, surat permohonan pinjaman ditandatangani Nik Faisal dialamatkan kepada Najib bertarikh 3 Jun 2011 turut tidak menyatakan asas pinjaman adalah berdasarkan kepada cadangan usaha sama membabitkan syarikat berpangkalan di Abu Dhabi, Aabar Investment PJS.

Ismee bersetuju dengan cadangan peguam dan turut menyatakan Lembaga Pengarah juga tidak pasti adakah wujud usaha sama berkenaan.



BEKAS Pengerusi Lembaga Pengarah SRC, Tan Sri Ismee Ismail ketika ditemui di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

6. Kes SRC: RM2 bilion masuk dalam akaun 'misteri' - Saksi

KUALA LUMPUR: Ahli Lembaga Pengarah SRC International Sdn Bhd tidak pernah dimaklumkan mengenai terdapat kemasukan wang berjumlah RM2 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) ke dalam satu akaun "misteri" milik syarikat itu.

Bekas Pengerusi Lembaga Pengarah SRC, Tan Sri Ismee Ismail, 54, yang menjawab soalan peguam Harvindejit Singh di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, berkata wang berkenaan iaitu pinjaman SRC daripada KWAP itu dimasukkan ke dalam akaun "misteri" berkenaan pada 29 Ogos 2011.

Saksi ke-39 pendakwaan itu berkata demikian ketika Harvinderjit mengemukakan kepadanya penyata bank dengan nombor akaun berakhir 736 milik SRC.

Saksi bagaimanapun berkata, dana terbabit dikeluarkan pada tarikh sama.

"Ahli Lembaga Pengarah juga tidak mengetahui bahawa dana itu dikeluarkan daripada akaun berkenaan.

"Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC ketika itu, Nik Faisal Ariff Kamil tidak memaklumkan mengenai semua transaksi berkenaan kepada semua Ahli Lembaga Pengarah," katanya.

Ismee dalam keterangannya berkata, akaun itu dibuka oleh CEO 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan mempunyai empat penandatangan sah, termasuk Nik Faisal.

Beliau berkata, Ahli Lembaga Pengarah juga tidak mengetahui dana yang dimasukkan ke dalam akaun AmBank dengan nombor berakhir 736 turut dikeluarkan pada hari sama.

"Lembaga Pengarah SRC International tidak mengetahui mengenai kewujudan akaun AmBank yang didaftar atas nama syarikat, sehubungan itu, Lembaga Pengarah tidak pernah mempunyai kawalan terhadapnya.

Dalam pada itu, Ismee berkata, Ahli Lembaga Pengarah SRC juga tidak mempunyai sebarang pengetahuan transaksi pengeluaran wang berjumlah RM15 juta yang diterima SRC daripada kerajaan sebagai geran permulaan.



BEKAS Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

7. Isu 'land swap' Kementerian Pertahanan: Hishammuddin akan jumpa SPRM

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein akan memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan terhadap kementerian itu, sebaik beliau kembali ke tanah air.

Katanya, beliau tiada masalah untuk membantu siasatan SPRM, namun ketika ini masih berada di luar negara dan akan kembali ke Malaysia dalam tempoh terdekat.

"Saya masih di luar negara, tiada masalah (beri keterangan kepada SPRM). Saya akan jumpa mereka (SPRM) bila saya balik dalam satu atau dua hari lagi.

"Saya sendiri akan hubungi mereka, lagipun saya juga membuat laporan kepada mereka tempoh hari, maka sudah tentu saya akan bantu mereka siasat kebenaran tanpa rasa takut atau memihak," kata bekas Naib Presiden UMNO itu ketika dihubungi BH.

Media sebelum ini melaporkan Hishamuddin antara yang akan dipanggil selepas cuti Aidilfitri bagi memberikan keterangan terhadap siasatan kes urus niaga 'land swap' (penswastaan untuk memajukan tanah) membabitkan tanah milik Kementerian Pertahanan.

Seorang lagi individu adalah bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang juga pernah menjadi Menteri Pertahanan.

Februari lalu, BH melaporkan Kementerian Pertahanan mendedahkan kerajaan rugi lebih RM500 juta bagi urus niaga 'land swap' membabitkan tanah milik kementerian itu yang dipercayai berlaku sejak 1997.

Menterinya, Mohamad Sabu, dilaporkan berkata, perkara itu terdedah hasil siasatan dibentangkan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang dipengerusikan Tan Sri Ambrin Buang pada 28 Januari lalu.

Semua kerugian dan ketirisan itu dilapor membabitkan 16 projek 'land swap' terdiri daripada 1,183 hektar tanah milik Kementerian Pertahanan dengan nilai RM4.7 bilion dan kos projek sebanyak RM4.8 bilion.



8. Garis panduan kawal hasil hutan

Putrajaya: Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan mengeluarkan satu garis panduan dalam masa terdekat bagi menangani kegiatan pembalakan dan pengeluaran hasil hutan tidak terkawal.

Menterinya, Dr Xavier Jayakumar, berkata pihaknya akan mencadangkan pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 bagi membolehkan garis panduan itu dimasukkan ke dalam akta.

"Kita sedia maklum hal tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri, jadi pemberian kuasa, lesen pembalakan dan sebagainya semua di bawah negeri.

"Tetapi saya sudah minta Jabatan Perhutanan membuat satu garis panduan dalam masa terdekat ini kepada negeri bagaimana hendak mengguna dan mengeluarkan hasil hutan.

Tiada paksaan

"Garis panduan ini sebagai rujukan kepada kerajaan negeri, (namun) kita tidak boleh paksa kalau kerajaan negeri tidak mahu mengikutinya kerana kita tidak ada kuasa," katanya pada Majlis Kongsi Raya Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, di sini, semalam.

Xavier berkata, garis panduan berkenaan antara lain menyentuh mengenai kawalan bagi pengeluaran hasil hutan termasuk larangan pengeluaran hasil di kawasan sensitif seperti kawasan tадahan air.

"Garis panduan itu juga akan mengambil contoh negeri Selangor yang tidak memberikan kuasa kepada EXCO negeri membuat keputusan, sebaliknya menerusi Jawatankuasa Khas Siasatan Awam iaitu satu badan bebas yang membuat keputusan dalam isu berkaitan tanah dan hasil hutan sebelum membuat pendengaran awam.

"Justeru, kita perlu kerjasama kerajaan negeri dan Pusat bagi menjayakan garis panduan ini, kalau tidak selama-lamanya kerajaan negeri akan kata ia kuasa mereka untuk tentukan keadaan hutan, hutan mana hendak diwartakan, dan pada akhirnya mereka sewenang-wenangnya melakukan apa sahaja," katanya.

Jejas habitat, kawasan rayau gajah

Baru-baru ini, laporan eksklusif akhbar ini mendedahkan sekurang-kurangnya tiga lokasi di Jalan Jemaluang-Mersing, di Johor dikesan semakin gondol dipercayai akibat kerja pembalakan.

Laporan akhbar ini juga menyebut, kegiatan pembalakan dan penerokaan hutan tidak terkawal mengecilkan kawasan rayau gajah di Johor.

Ini menyebabkan kumpulan hidupan liar itu memasuki kampung dan kebun penduduk berhampiran Hutan Simpan Panti, di negeri itu.

Perkayakan semula kawasan penerokaan hutan

Johor Bahru: Konflik gajah dengan penduduk yang semakin serius di Johor boleh dikurangkan menerusi aktiviti memperkayakan semula kawasan pembalakan dan penerokaan hutan di negeri itu.

Aktiviti memperkayakan semula hutan, terutama di kawasan matau atau tempat longgokan balak, antara lain dengan menggemburkan tanah sebelum ditanam pokok dan rumput yang sesuai untuk memulihara habitat hidupan liar, terutama gajah.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Johor, Salman Saaban, berkata kerajaan negeri perlu melakukan tindakan itu kerana ia dapat mengoptimum kegunaan kawasan terbiar selepas aktiviti pembalakan.

Secara ekologi, katanya, gajah boleh menyesuaikan diri di kawasan hutan bekas dibalak kerana banyak spesies tumbuhan yang menjadi makanan haiwan itu seperti pisang hutan, buluh dan tepsu.

"Apa yang kita perlu dilakukan ialah memperkayakan semula bekas pembalakan dengan menggemburkan tanah dan menanam semula pokok dan rumput yang menjadi lokasi habitat gajah," katanya kepada BH.

Salman berkata, Johor boleh mencontohi Thailand yang mengambil alih kawasan diceroboh di Taman Negara Kuiburi di negara itu dengan membaik pulih kawasan berkenaan.

"Langkah memperkayakan semula habitat membabitkan lebih 1,000 hektar tanah di Thailand berjaya mengurangkan kira-kira 60 peratus gangguan gajah. Ia boleh diguna pakai di negara ini," katanya.

Beliau mengulas laporan khas BH mengenai pembalakan dan penerokaan hutan tidak terkawal membuatkan kawasan rayau gajah di Johor, semakin mengecil menyebabkan kumpulan hidupan liar itu memasuki kampung dan kebun penduduk berhampiran Hutan Simpan Panti.

Pengeciran kawasan rayau itu mengganggu habitat serta menjelaskan sumber makanannya selama ini, sedangkan seekor gajah memerlukan lebih 20 kilogram makanan setiap hari, manakala sekumpulan gajah memerlukan kawasan rayau kira-kira 100 kilometer persegi.

Konflik serius

Keadaan itu membuatkan konflik gajah dengan penduduk Johor semakin serius sejak lima tahun kebelakangan ini dan kemuncaknya, tiga gajah dewasa berusia antara 18 hingga 22 tahun, mati termakan racun dalam kebun pinggir hutan di Jalan Kampung Sri Timur, Kluang.

Ketika ini, ada antara 120 hingga 160 gajah di Johor daripada anggaran keseluruhan antara 1,400 hingga 1,600 gajah di seluruh Semenanjung dan jumlah itu dijangka terus menurun jika isu konflik gajah dan manusia berterusan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, isu gajah di Johor unik kerana habitat haiwan itu terhad berikutkan kawasan dikelilingi penempatan penduduk, ladang dan hutan yang berpecah-pecah.

Setakat ini, ada lima kumpulan besar gajah di daerah Segamat, Kluang, Mersing dan Kota Tinggi.

Bagi memudahkan pengurusan, kumpulan itu dikenali mengikut ID iaitu ID Jemaluang (20-30 ekor), ID Panti (30-40 ekor), ID Labis (5-15 ekor), ID Tenggara (25-30 ekor) dan ID Taman Negara (lebih 45 ekor).

"Isu konflik manusia-gajah sinonim dengan Johor dan isu ini unik kerana habitat haiwan itu terhad berikutkan dikelilingi penempatan dan hutan berpecah-pecah, selain banyak ladang, berbanding negeri lain seperti Perak, Pahang dan Kelantan yang mempunyai hutan masih luas.

"Dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini, sebanyak 15 kampung dikesan menghadapi masalah gangguan gajah dengan kerugian dianggarkan RM200,000," katanya.

Beliau berkata, Santuari Gajah Johor (JES) berdekatan dengan Kampung Lukut dijangka beroperasi akhir tahun ini dalam usaha untuk memperkasakan pengurusan gajah di negeri ini bagi mengurangkan gangguan gajah liar di kawasan pertanian dan penempatan penduduk.

"Projek JES akan menyediakan kawasan padang ragut seluas lebih kurang 10 hektar dan mampu menampung sehingga 20 gajah meragut pada satu-satu masa," katanya.

"Pembangunan padang ragut juga dijalankan di kawasan koridor santuari gajah di Muntahak, Kota Tinggi yang dapat menampung 40 hingga 50 gajah pada satu-satu masa," katanya.



Bekas Pengarah SRC International Sdn Bhd, Datuk Suboh Md Yassin

9. Najib 'kawal' SRC

KUALA LUMPUR: Bekas Pengarah SRC International Sdn Bhd, Datuk Suboh Md Yassin, mendedahkan di Mahkamah Tinggi hari ini, urusan kerja harian syarikat membabitkan projek pelaburan perlu mendapat persetujuan 'pihak atas' iaitu Datuk Seri Najib Razak.

Suboh, 68, saksi pendakwaan ke-42 berkata, beliau sering mempersoalkannya kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SRC, Nik Faisal Ariff Kamil, mengenai penilaian dan pertimbangan projek pelaburan SRC, namun jawapan diberikan ialah 'ia sudah dipersetujui pihak atas'.

Bagi Suboh yang juga seorang saksi utama perbicaraan kes itu, 'pihak atas' yang dimaksudkan kepadanya itu merujuk kepada Najib.

"Nik Faisal akan membala (persoalan) itu dengan menyatakan perkara berkenaan sudah dibincangkan dan dipersetujui pihak atas," katanya ketika membacakan kenyataan saksi pada sesi pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Ishak Mohd Yusoff.

Suboh berkata, walaupun berjawatan Pengarah SRC, beliau tidak boleh membuat keputusan untuk mengarahkan sebarang tindakan diambil kerana semua perkara berbangkit akan dibawa oleh Nik Faisal untuk dibincangkan dan dipersetujui Najib.

"Sebagai contoh, pada Mesyuarat Lembaga Pengarah SRC yang diadakan pada 13 September 2011, saya memberi peringatan dan amaran kepada mesyuarat bahawa 'landskap perniagaan di Indonesia berbeza daripada Malaysia' dan SRC perlu berhati-hati dalam membuat pelaburan di sana.

"Begitu juga pada satu Minit Mesyuarat saya menyokong pandangan seorang Lembaga Pengarah Shahrol Azral Ibrahim Halmi yang menyatakan tiada 'visibility target data' dan 'no clear vision' bagi cadangan pelaburan di Abu Dhabi. Namun, tiada tindakan diambil atas perkara berkenaan.

"Saya berkata demikian kerana itu tanggungjawab saya sebagai Pengarah SRC untuk memastikan wang SRC dilabur dengan baik," katanya.

Sementara itu, Suboh berkata, kebanyakannya tindakan berkaitan SRC pula dilakukan oleh Nik Faisal selaku CEO yang akan membentangkan sebarang kertas kerja kepada Lembaga Pengarah untuk diputuskan.

Mengikut Suboh, Nik Faisal juga akan mengambil tindakan susulan bagi setiap projek yang ingin dilaksanakan.

Katanya, bagi SRC sebarang keputusan Lembaga Pengarah perlu mendapat nasihat daripada Najib selaku Penasihat Emeritus.

Beliau berkata, jika terdapat sebarang perkara yang perlu dibawa ke perhatian Najib, tindakan itu akan dilakukan Nik Faisal saja kerana beliau bertindak sebagai penghubung di antara Lembaga Pengarah SRC dan Najib.

"Saya berpendapat sedemikian kerana kerap kali berlaku keadaan sekiranya terdapat surat atau dokumen yang ditujukan secara khusus kepada Najib, Nik Faisal akan menyatakan bahawa surat itu dibawa olehnya untuk berjumpa Najib.

"Walaupun terdapat tindakan SRC yang pada pendapat saya tidak wajar, saya tidak meletakkan jawatan sebagai pengarah kerana saya rasa bertanggungjawab untuk SRC dan wang SRC yang dilaburkan di luar negara.

"Oleh itu, saya kekal dalam Lembaga Pengarah SRC untuk berusaha dan memastikan dana berkenaan dapat dibawa pulang semula," katanya.

Sementara itu, Suboh berkata, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) SRC yang dianjurkan untuk membantu mangsa banjir di Pantai Timur, membabitkan geran RM250 juta tidak mematuhi peraturan syarikat walaupun mendapat persetujuan 'pihak atas'.

Suboh berkata, SRC melantik syarikat Ihsan Perdana Sdn Bhd (IPSB) pada 3 September 2014 bagi menerajui program CSR terbabit dan lantikan dibuat olehnya dan Nik Faisal.

"Namun, jumlah RM250 juta amat besar dan saya menimbulkan persoalan berkaitan syarikat dan isu pematuhan syarat kerana ini membabitkan penggunaan dana SRC.

"Setiap kali isu ini bangkit, Nik Faisal memberitahu perkara ini sudah diuruskan dan dipersetujui 'pihak atas', " katanya.

Najib, 66, didakwa atas tiga pertuduhan pecah amanah, satu pertuduhan salah guna kedudukan dan tiga pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan dana SRC berjumlah RM42 juta.



Bekas Pengarah SRC International, Datuk Suboh Md Yassin keluar dari kamar saksi apabila mahkamah apabila berhenti rehat perbicaraan kes penyelewengan dana SRC International Sdn. Bhd di Kompleks Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

10. Saya terima panggilan, diarah meninggalkan negara- Suboh

KUALA LUMPUR: Bekas Pengarah SRC International Sdn Bhd, Datuk Suboh Md Yassin, mendakwa beliau diarahkan melarikan diri bagi mengelak disiasat oleh pihak berkuasa berhubung skandal SRC.

Suboh, 68, ketika memberi keterangan pada prosiding perbicaraan kes SRC International yang dihadapi Datuk Seri Najib Razak, mendedahkan ketika dalam perjalanan ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), beliau menerima panggilan daripada seseorang yang tidak dikenali.

Saksi ke-42 pendakwaan itu, berkata individu itu memperkenalkan diri sebagai wakil SPRM dan menyatakan kepadanya supaya tidak pergi ke pejabat SPRM seperti mana dijanjikan dan mengarahkannya meninggalkan Malaysia.

Katanya, kejadian itu berlaku dalam tahun 2015.

"Saya rasa takut dengan keadaan yang sedang berlaku dan Najib pula masih berkuasa sebagai Perdana Menteri pada masa itu.

"Saya tidak tahu apa yang mungkin boleh berlaku kepada saya dan keluarga. Sehubungan itu, saya membuat keputusan melarikan diri ke Bangkok, Thailand bersama isteri selama lebih kurang sebulan," katanya.

Ketika membaca pernyataan saksinya, Suboh berkata segala kos beliau di Bangkok ditanggung sendiri olehnya.

Katanya, ketika di Bangkok saya bertemu dengan seorang lelaki Thailand yang menyerahkan tiket penerbangan untuk saya dan isteri ke Abu Dhabi, Emiriah Arab Bersatu.

"Saya dan isteri menaiki penerbangan ke Abu Dhabi daripada Bangkok. Di sana, saya dibawa ke Hotel Rosewood dan tinggal selama lebih kurang seminggu.

"Segala kos tiket penerbangan dan penginapan diatur namun saya tidak mengetahui siapa yang menanggung kos berkenaan," katanya pada prosiding perbicaraan kes yang masuk hari ke-29.

Suboh berkata beliau kemudian menaiki penerbangan ke Bangkok dan seterusnya pulang ke Malaysia.

"Selepas kembali, saya dihubungi oleh Nik Faisal Ariff Kamil (bekas Ketua Pegawai Eksekutif SRC) yang mengarahkan saya untuk melarikan diri sekali lagi daripada Malaysia.

"Saya membuat keputusan untuk tidak melarikan lagi dan kekal di Malaysia bagi membantu siasatan pihak berkuasa," katanya di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Mohd Nazlan Mohd Ghazali.

Suboh turut memberitahu mahkamah, kebanyakannya tindakan berkaitan SRC dilakukan oleh Nik Faisal selaku CEO, di mana beliau akan membentangkan sebarang kertas kerja kepada Lembaga Pengarah untuk diputuskan dan akan mengambil tindakan susulan bagi setiap projek yang ingin dilaksanakan.

Katanya, bagi SRC sebarang keputusan Lembaga Pengarah perlu mendapat nasihat daripada Penasihat Emiritus SRC iaitu Najib.

"Jika terdapat sebarang perkara yang perlu dibawa ke perhatian Najib, tindakan itu akan dilakukan oleh Nik Faisal saja kerana beliau bertindak sebagai penghubung antara Lembaga Pengarah SRC dan Najib.

"Saya berpendapat sedemikian kerana kerap kali berlaku keadaan di mana sekiranya terdapat surat atau dokumen yang ditujukan secara khusus kepada Najib, Nik Faisal akan menyatakan bahawa surat itu dibawa olehnya untuk berjumpa Najib," katanya.

Suboh berkata berkenaan proses urusan kerja harian SRC, beliau juga pernah menimbulkan persoalan berkenaan isu ketelitian wajar dan pertimbangan untuk projek pelaburan kerana terdapat isu pematuhan yang perlu dipatuhi.

"Nik Faisal akan selalu membela dengan menyatakan perkara itu sudah dibincang dan dipersetujui oleh 'pihak atas'."

"Pada pendapat saya, 'pihak atas' yang dikatakan Nik Faisal merujuk kepada Najib," katanya.

Suboh berkata sebagai contoh pada Mesyuarat Lembaga Pengarah SRC yang diadakan pada 13 September 2011, beliau memberi peringatan dan amaran kepada mesyuarat bahawa landskap perniagaan di Indonesia adalah berbeza daripada Malaysia dan SRC perlu berhati-hati dalam membuat pelaburan di sana.



11. Tiada data lengkap petani punca subsidi baya diseleweng

KUALA LUMPUR: Ketiadaan data lengkap jumlah petani aktif dipercayai menyebabkan kerajaan kerugian jutaan ringgit setiap tahun akibat ketirisan dan penyelewengan dalam agihan subsidi baya.

Walaupun kerajaan secara tetap menyalurkan subsidi dan insentif berjumlah RM1.9 bilion khususnya baya setiap tahun, namun pengeluaran perkapita padi negara menyaksikan penurunan iaitu 2,741 tan pada 2015; 2,740 tan pada 2016 dan terus merosot kepada 2,571 pada 2017....

Mengikut rekod, terdapat 155,000 pesawah di seluruh negara namun difahamkan jumlah mereka yang aktif dengan keluasan kawasan yang diusahakan tidak dikemaskini sejak 20 tahun lalu.

Ini antara faktor menyebabkan ada pihak tertentu menggunakan kesempatan akibat kelemahan pengumpulan data berkenaan dengan menyeleweng baya subsidi.

Sumber mendedahkan, setiap individu yang terbabit dalam proses agihan subsidi baya mempunyai potensi untuk menyeleweng, termasuk pegawai kerajaan, individu yang dilantik menguruskan pemberian subsidi, orang politik serta petani itu sendiri.

Jual kepada petani lain

"Antara modus operandinya, petani akan mendakwa kononnya mengusahakan keluasan sawah yang maksimum kepada Persatuan Peladang Kawasan (PPK) untuk memperoleh subsidi penuh namun sebahagian besar akan dijual kepada petani lain.

"Taktik lain pula membabitkan 'orang dalam' agensi berkaitan yang menyorok baya subsidi tanpa diagihkan kepada penerima sepatutnya. Baya subsidi ini akhirnya akan dijual kepada pembeli yang bersekongkol dengan mereka," katanya kepada BH.

Sementara itu, seorang pegawai kanan dalam industri padi mendedahkan, isu ketirisan berlaku sejak pemerintahan kerajaan terdahulu namun tidak berjaya diselesaikan ekoran campur tangan 'orang dalam' dan pengaruh politik.



Antara baja padi yang dipercayai diseleweng berjaya dirampas dalam serbuan di sebuah premis di Parit Buntar, tahun lalu. - NSTP/L Manimaran

Petani takut buat laporan

"Isu pemberian baja menimbulkan polemik dalam kalangan petani itu sendiri kerana sering dikaitkan dengan politik. Biasanya pihak yang dilantik menguruskan baja ini adalah 'orang kuat' parti tertentu dan sudah tentu ia digunakan sebagai gula-gula politik."

"Kalangan petani sendiri mengetahui penyelewengan berlaku tetapi tidak berani tampil membuat aduan," katanya.

Dalam perkembangan sama, BH mendapat makluman, ketiadaan data ini juga berlaku disebabkan sikap petani itu yang mahu mendapat 'untung atas angin' walaupun tidak lagi mengusahakan tanah sawah.

Senarai nama masih aktif

"Mereka tahu jika menjual sekampit baja subsidi itu, mereka mampu memperoleh untung sekitar RM5 sahaja dan memperoleh keuntungan itu kerana tiada pihak yang boleh mengambil tindakan terhadap mereka."

"Mereka tidak lagi mengusahakan sawah sama ada tanah itu sudah dijual atau dibina bangunan atau tidak sesuai untuk ditanam padi lagi tetapi rekod yang masih 'aktif' menyebabkan mereka mendapat bantuan baja," katanya.



Tanpa pembajaan yang betul, pengeluaran padi akan terjejas akibat kekurangan nutrien.

Punca petani terus mundur, gagal perbaiki taraf hidup

Penyelewengan subsidi baja yang menyebabkan kerajaan kerugian jutaan ringgit setiap tahun, dikesan antara punca petani negara ini gagal memperbaiki taraf hidup.

Walaupun berdekad-dekad mengusahakan sawah, petani kekal dalam situasi sama, seolah-olah mereka dipinggirkan kerajaan sedangkan pelbagai jenis subsidi khususnya membabitkan baja diberikan kepada mereka.

Felo Penyelidik Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datin Paduka Dr Fatimah Mohamed Arshad, berkata ketirisan itu dilakukan mereka yang mempunyai peranan penting dalam proses pengagihan baja dan kesannya diterima oleh petani.

Isu sudah lama berlarutan

"Isu ketirisan dan penyelewengan ini sudah berlarutan sekian lama kerana kesannya kita boleh lihat keadaan petani itu sendiri yang tidak berubah. Mereka gagal untuk maju dan masih berharap dengan kerajaan.

"Apabila ini berlaku, ke mana peruntukan yang sepatutnya membantu golongan petani dan ini saya percaya, ia diseleweng oleh mereka yang mempunyai peranan dalam struktur ini seperti ahli lembaga pengarah yang dilantik dalam agensi berkaitan," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Dr Fatimah berkata, pelbagai pihak sudah melakukan kajian terhadap isu subsidi baja tetapi masih tidak mampu untuk mengubah nasib petani.

Baja sampai lambat

"Ada kajian menunjukkan 30 hingga 40 peratus baja yang sepatutnya diterima petani sampai lambat sehingga memberi kesan besar kepada pengeluaran padi.

"Malah ada juga kajian menunjukkan satu pertiga baja yang dikeluarkan tidak bermutu. Malah, ada petani mengadu komposisi baja sebatian tidak mengikut spesifikasi ditetapkan.

"Bagaimana ini boleh berlaku jika ia bukan berpunca akibat penyelewengan," katanya.

Ditanya transformasi yang perlu dilaksanakan untuk menghentikan ketirisan dan penyelewangan itu, Dr Fatimah berkata, sampai masanya petani diberi peluang untuk membuat keputusan.

Beliau menyarankan agensi seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) perlu kembali kepada peranan asal memajukan kepentingan petani dan bukannya menjadi tempat mengkayakan pihak tertentu, ahli lembaga pengarah atau anak syarikat.



Kerajaan tanggung rugi RM1.9b, pengeluaran padi terus menyusut. - Foto hiasan


Tingkat fungsi NAFAS

"NAFAS perlu berfungsi sepenuhnya untuk petani dan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seperti Fonterra di New Zealand yang berkhidmat untuk ahli koperasi mereka dan bukannya ahli lembaga pengarah. Mana-mana subsidiari yang tidak memberi kepentingan dan keuntungan harus ditutup," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga harus sedar petani tidak akan sesekali kaya dengan pemberian dividen, sebaliknya bantuan baja yang berkualiti dengan komposisi yang betul, varieti baharu, air yang tepat, mesin tuai yang cekap dan kecil untuk pemutuan, nasihat yang tepat adalah diperlukan.

"Ahli lembaga pengarah juga perlulah daripada kalangan petani dan bukannya ahli politik," katanya.

KETIRISAN DALAM PENGAGIHAN SUBSIDI BAJA



INFO

- Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) diperkenalkan pada 1979 dengan nama Skim Subsidi Baja Padi (SSBP)
- Bagi satu hektar kawasan penanam petani disaran menggunakan empat beg baja urea serta 12 beg baja sebatian. Setiap beg mempunyai berat 20 kilogram.
- Purata bagi harga setiap beg urea berharga sekitar RM23 manakala beg sebatian RM26, menjadikan kos per hektar penggunaan baja bagi petani adalah kira-kira RM400 bagi satu musim penanaman.
- Skim Baja Padi Kerajaan berjumlah RM465 juta, Skim Bantuan Input Pengeluaran (RM563 juta), Insentif Benih Padi Sah (RM85 juta), Skim Subsidi Harga Padi (RM616 juta), Skim Baja dan Racun Padi untuk Pertanian Padi Bukit (RM70 juta) dan Insentif Input Pengeluaran Padi RM112 juta.

12. Inspektor didakwa minta, terima rasuah

Lim Yen Jee (kiri) dihadapkan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah di Batu Pahat

JOHOR BAHRU: Seorang inspektor polis dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas dua pertuduhan meminta dan menerima rasuah daripada seorang ceti haram di Batu Pahat, dua tahun lalu.

Lim Yen Jee, 33, bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan yang dibacakan terhadapnya oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Faiz Dziyauddin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat, didakwa meminta suapan RM3,000 daripada seorang lelaki supaya tidak mengambil tindakan terhadapnya kerana menjalankan perniagaan memberi pinjaman wang tanpa lesen.

Dia melakukan kesalahan itu di Kampung Bindu, Mukim 6, Tongkang Pechah, Batu Pahat, jam 12.25 tengah malam pada 4 Oktober 2017.

Selain itu, tertuduh juga didakwa menerima suapan RM2,500 daripada lelaki itu di kafe sebuah hotel di Batu Pahat pada jam 6.10 petang pada keesokan harinya.

Berikutan itu, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(B) dan Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang masing-masing memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Norsyarina Raizan, manakala tertuduh diwakili peguam Chuah Shyue Chien.

Hakim menetapkan ikat jamin RM20,000 bagi kedua-dua pertuduhan dengan seorang penjamin dan kes disebut semula pada 23 Julai depan.

13. CEO, pegawai kanan syarikat sisa pepejal direman

ALOR SETAR: Seorang Ketua Pegawai Eksekutif bersama Ketua Jabatan Kontrak dan Perolehan sebuah syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam direman empat hari bermula hari ini, bagi membantu siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Penolong Pendaftar Mahkamah Alor Setar, Rashidah Azmi membenarkan permohonan SPRM ke atas kedua-dua suspek iaitu lelaki dan wanita berusia 50 dan 34 tahun yang ditahan petang semalam di pejabat SPRM Kedah.

Mereka dikatakan ditahan ketika hadir bagi memberi keterangan berhubung siasatan penerimaan rasuah dalam pemberian kontrak kerja dan pengubahsuaian rumah kedai sejak 2015.

Terdahulu, suspek tiba di lokap Kompleks Mahkamah Alor Setar mahkamah diiringi anggota SPRM negeri sekitar jam 10.30 pagi.

Sementara itu, sumber SPRM berkata, suspek ditahan antara jam 6.37 hingga 6.43 petang semalam.

"Siasatan menjurus kepada penerimaan rasuah dalam pemberian kontrak kerja dan pengubahsuaian rumah kedai sejak empat tahun lalu.

"Suspek disiasat mengikut Seksyen 16 (a) SPRM 2009," katanya.

Beliau berkata, sejak dua hari lalu, beberapa pihak khususnya kontraktor sudah menghantar bantahan kerana ketidakpuasan hati berhubung pengagihan kontrak kepada beberapa pihak disyaki mempunyai kaitan dengan seorang daripada suspek terbabit.

Malah, dikatakan wujud penyelewengan dalam proses pembahagian tender menyebabkan syarikat tidak memenuhi kriteria termasuk dari aspek jumlah lori dan pekerja yang mencukupi, berjaya dipilih.

Syarikat yang tidak terpilih pula dikehendaki menjalankan kerja pengutipan sisa pepejal sebagai sub-kontraktor kepada pihak yang terpilih walaupun ia tidak melengkapi kriteria dikehendaki.

Didapati anggaran projek bagi pengurusan sisa pepejal di Kedah dan Perlis berjumlah RM360 juta setahun.

Selain itu, suspek utama dan beberapa pihak yang terbabit dalam hal ini sudah menubuhkan satu tabung kelab yang kononnya untuk menjaga kebajikan syarikat terbabit.

Semua kontraktor yang berjaya dalam pemilihan tender diwajibkan menyumbang satu atau dua peratus daripada nilai projek ke dalam tabung ini dan dianggarkan setiap tahun, sebanyak RM3.6 juta (satu peratus daripada keseluruhan RM360 juta) akan disumbangkan dalam tabung ini.

Pihak SPRM percaya tabung ini sudah digunakan sebagai kaedah mengutip wang rasuah daripada kontraktor dan ia dipercayai bertujuan mengaburi pihak berkuasa.

Risikan selama lebih enam bulan mendapati tabung ini sudah diseleweng untuk membeli harta, kenderaan dan lawatan peribadi ke luar negara.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan, namun enggan mengulas lanjut.



Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengiringi seorang wanita dan seorang lelaki ke Mahkamah Alor Setar untuk mendapat perintah tahanan reman bagi membantu siasatan kes penerimaan rasuah daripada kontraktor di dalam pemberian kontrak kerja dan pengubahsuaian rumah kedai.



MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng bersama Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ir Amiruddin Hamzah; Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Seri Sabin Samitah dan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed memotong kek pada Majlis Sambutan Aidilfitri Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 2019 di Cyberjaya, hari ini

14. Persatuan wartawan, jurugambar antara penerima dana 1MDB - Guan Eng

CYBERJAYA: Persatuan wartawan dan jurugambar di Pulau Pinang antara pihak dikenal pasti turut menerima dana yang mempunyai kaitan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata selain 41 senarai didedahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) baru-baru ini, terdapat beberapa lagi kesatuan, persatuan dan individu yang turut menerima sumbangan dana 1MDB berdasarkan senarai yang ada di Kementerian Kewangan.

"Saya dan Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed, yakin ada banyak lagi senarai pihak yang mempunyai kaitan dengan dana 1MDB. Apa yang kita lihat melalui senarai berkaitan 1MDB yang juga anak syarikat kementerian saya, senarainya panjang.

"Semua penerima yang ada atau mengetahui menerima wang 1MDB, Yayasan 1MDB atau kelab kebajikan berkaitan 1MDB diharap dapat kembalikan dana terbabit secara sukarela.. Jangan tunggu SPRM keluarkan senarai kerana jika ia berlaku, akaun akan disekat.

"Apa yang saya lihat, ada kesatuan, persatuan, individu, persatuan pemberita dan persatuan jurugambar serta surat khabar di Pulau Pinang menerima dana terbabit. Mereka ini perlu tampil dengan menyerahkan kembali dana terbabit," katanya selepas Majlis Sambutan Aidilfitri Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 2019 di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Abu Kassim dan Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Seri Sabin Samitah.

Guan Eng berkata, beliau yakin mereka yang menerima dana itu tidak terbabit dengan skandal 1MDB dan perlu tampil menyerahkannya kembali bagi memudahkan semua pihak.

"Saya tahu, mereka ini tidak terbabit, tetapi hanya menerima saja. Jika terbabit sekalipun, itu cerita lain dan terpulanglah kepada siasatan SPRM.

"Kita lihat ada senarai yang komprehensif lagi termasuk nama pihak tertentu yang belum didedahkan lagi," katanya.

BH baru-baru ini melaporkan, SPRM sudah memfailkan permohonan terhadap 41 individu dan entiti, bagi mendapatkan balik wang berjumlah lebih RM270 juta yang dikaitkan dengan dana diseleweng daripada 1MDB.

Ketua Pengarah SPRM, Latheefa Koya, dilaporkan berkata permohonan itu difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 19 Jun lalu mengikut Seksyen 56, Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001, bagi mendapatkan semula wang berkenaan, yang dipercayai dipindahkan dari satu akaun AmBank milik bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Selain Jakel, responden itu turut membabitkan individu dan entiti lain yang didakwa SPRM menerima dana 1MDB ialah Parti Rakyat Bersatu Sabah, MCA, Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP), Parti Liberal Demokratik (LDP), Persatuan Kebajikan Islam dan Dakwah Islamiah Malaysia (PEKIDA) serta Habib Jewels Sdn Bhd (Habib Jewels).

15. Pesara, anggota polis didakwa pecah amanah

DUA anggota polis tidak mengaku bersalah atas pertuduhan pecah amanah di Mahkamah Sesyen, Alor Gajah

ALOR GAJAH: Seorang pesara dan anggota polis mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini terhadap 27 pertuduhan pecah amanah menggunakan kad inden minyak milik Polis Diraja Malaysia (PDRM) sejak 2016.

Pertuduhan terhadap Zahari Daud, 59, dan Mior Mohd Syamsul Jalaluddin, 34, yang bertugas di cawangan pengangkutan Ibu Pejabat Polis Daerah Alor Gajah dibuat secara berasingan di hadapan Hakim Ahmad Sazali Omar.

Mengikut empat pertuduhan terhadap Zahari, tertuduh sebagai seorang yang diamanahkan kad inden minyak milik PDRM didakwa dengan curangnya melakukan pecah amanah, menggunakan harta itu bagi pembelian bahan api diesel membabitkan nilai RM7,833.43.

Kesalahan itu dilakukan pada 30 November dan 2 Disember 2016 di empat stesen minyak di sekitar Melaka.

Mior Mohd Syamsul berdepan 23 pertuduhan kesalahan sama yang membabitkan nilai RM13,851.42 yang dilakukan di sekitar Melaka, Negeri Sembilan dan Perak sejak Januari 2016 hingga Mei 2017.

Kedua-dua mereka didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga 20 tahun, dan dengan sebatan dan boleh juga dikenakan denda.

Timbalan Pendakwa Raya Rohaiza Zainal yang mengendalikan prosiding, mencadangkan jaminan RM15,000 bagi setiap pertuduhan terhadap Zahari manakala RM5,000 bagi setiap pertuduhan (23 pertuduhan) terhadap Mior Mohd Syamsul.

Bagaimanapun, Ahmad Sazali menawarkan tertuduh berstatus warga emas dengan jaminan RM15,000 bagi semua pertuduhan manakala RM25,000 kepada Mior Mohd Syamsul bagi semua pertuduhan.

Mahkamah turut menetapkan 22 Julai depan untuk sebutan semula kes dan lantikan peguam.

Pada sebutan pertama itu, Mior Mohd Syamsul diwakili peguam bela Mohd Fadzlullah Ramlee, manakala Zahari tidak diwakili peguam.

16. Tiada transaksi babitkan akaun bank Azmin - SPRM

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setakat ini tidak mengesan sebarang transaksi membabitkan beberapa akaun bank yang dikaitkan dengan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berhubung laporan yang dibuat Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Lokman Noor Adam.

Bagaimanapun, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata SPRM akan tetap memanggil beberapa individu dalam siasatan transaksi mencurigakan yang dikaitkan dengan Mohamed Azmin itu.

Pada 12 Jun lalu, Lokman yang juga Pengurus Sekretariat Suara Rakyat menyerahkan laporan kepada SPRM bagi meminta agensi itu menyiasat dakwaan pemindahan dana RM4 juta atau AS\$741,440 ke akaun bank Mohamed Azmin sekitar Disember 2017.

Lokman mendakwa menerima satu rekod transaksi dana oleh UEM Group Bhd ke atas akaun Mohamed Azmin di Deutsche Bank AG-ZR BR, no akaun 0061508230587 pada 19 Disember 2017.

17. 40 pertuduhan bekas TPM membabitkan RM47 juta

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, meninggalkan Mahkamah Sesyen, selepas didakwa di atas tujuh pertuduhan menerima rasuah lebih SGD4.2 juta (SGD1 kira-kira RM3.05) bagi melanjutkan kontrak Syarikat Ultra Kirana sebagai pengendali One Stop Center (OSC) di negara China.

KUALA LUMPUR: Nilai keseluruhan 40 kes rasuah membabitkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, yang didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, hari ini dan Mahkamah Shah Alam, esok ialah sebanyak RM47 juta.

Keseluruhan transaksi itu dilakukan dalam mata wang Singapura, dikesan ketika siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam kes rasuah membabitkan Sistem Visa Luar Negara (VLN).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, berkata pertuduhan terhadap Ahmad Zahid hari ini adalah kes rasuah yang luar biasa kerana membabitkan pemimpin dan pegawai kanan tertinggi kerajaan serta kepentingan awam.

Oleh demikian katanya, kehadiran beliau dan beberapa pegawai kanan termasuk Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM Datuk Seri Azam Baki perlu untuk memastikan pertuduhan kes berjalan dengan sempurna.

"Dalam pertuduhan ini membabitkan sejumlah wang yang besar iaitu bermula dolar Singapura 300,000 ke 1 juta.

"Di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur membabitkan tujuh pendakwaan dan 33 pertuduhan lagi di Mahkamah Shah Alam dengan transaksi yang serupa. Keseluruhan kes adalah sebanyak RM47 juta," katanya ketika ditemui pemberita di bangunan Mahkamah Kuala Lumpur, hari ini.

Ditanya mengenai pendakwaan itu, Latheefa berkata, akan ada beberapa saksi penting yang akan dipanggil di mahkamah bagi membuktikan kes berkenaan.

"Kita tidak boleh menjangkakan apa-apa biarlah mahkamah yang putuskan," katanya.

Dalam perkembangan itu, mengulas mengenai sistem visa dan Jabatan Imigresen yang dikaitkan dengan kes itu, Latheefa menjelaskan ia adalah mengenai dasar kerajaan dan hanya kerajaan sahaja yang akan menentukan perkara itu.

"Tetapi sudah tentu ada 'loop hole' yang dikesan dan SPRM akan lakukan sesuatu tetapi apa pun kami akan serahkan ia kepada kerajaan," katanya.

Mengulas perkara sama, Azam menyatakan, Bahagian Perundingan SPRM akan menghantar laporan penuh kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang menyatakan apa sahaja kelemahan prosedur dalam sistem berkenaan.

"Kami serahkan kepada pihak menteri untuk meneliti dan mengambil tindakan sewajarnya berhubung apa sahaja kelemahan yang wujud.

"Pegawai (Imigresen) yang terbabit juga akan dipanggil SPRM berhubung kes ini," katanya.

18. Zahid didakwa 7 tuduhan terima rasuah dolar Singapura 4.2 juta

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi tiba di mahkamah bagi menghadapi pendakwaan di Mahkamah Sesyen, Kompleks Jalan Duta, Kuala Lumpur.

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas tujuh pertuduhan menerima rasuah lebih dolar Singapura 4.2 juta (1 dolar kira-kira RM3.05) bagi melanjutkan kontrak syarikat Ultra Kirana sebagai pengendali One Stop Center (OSC) di negara China.

Ahmad Zahid Hamidi, 66, mengaku tidak bersalah dan memohon dibicarakan sebaik pertuduhan terhadapnya dibacakan satu persatu di hadapan Hakim Azura Alwi.

Pada prosiding yang bermula pada jam 9.15 pagi itu, Ahmad Zahid yang hadir ke mahkamah memakai kemeja batik dan seluar hitam, dengan ditemani anak perempuannya, Nurul Hidayah.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Ahmad Zahid didakwa sebagai Menteri Dalam Negeri di Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerima suapan daripada Syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd, iaitu wang tunai berjumlah keseluruhan dolar Singapura 4,240,000.



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Latheefa Koya, hadir bagi pendakwaan Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, di Mahkamah Sesyen, Kompleks Jalan Duta, Kuala Lumpur. - Foto Mohamad Shahril Badri Saali

Tindakan itu sebagai dorongan melanjutkan kontrak syarikat berkenaan sebagai Pengendali Perkhidmatan One Stop Center (OSC) di negara China dan Sistem Visa Luar Negara (VLN) di Seri Satria, Presint 16, Putrajaya, antara Mac 2017 dan Mac 2018.

Pendakwaan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 atau mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Mukhzany Fariz Mohd Mokhtar menawarkan jaminan RM200,000 dengan seorang penjamin bagi kesemua pertuduhan yang dihadapi tertuduh.

"Disebabkan tertuduh sebelum ini pernah didakwa di mahkamah, pasportnya sudah berada dalam simpanan mahkamah," katanya.

Peguam Kitson Foong, yang mewakili Ahmad Zahid tidak membantah dan bersetuju dengan jumlah jaminan yang ditawarkan oleh pihak pendakwaan.

"Memang benar pasport tertuduh telah diserahkan kepada mahkamah sebelum ini," kata peguam itu.

Mahkamah kemudian memberikan Ahmad Zahid diikat jamin RM200,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 31 Julai ini untuk sebutan semula kes.

Pada 19 Oktober dan 14 Disember 2018 serta 20 Februari lalu, Ahmad Zahid mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini terhadap 47 pertuduhan, dengan 12 pertuduhan daripadanya

membabitkan pecah amanah, lapan pertuduhan rasuah dan 27 pengubahan wang haram membabitkan puluhan juta ringgit milik Yayasan Akalbudi.

Kesnya kemudian dipindahkan ke Mahkamah Tinggi dan mahkamah itu menetapkan 18 November hingga 22 November, 2 Disember hingga 6 Disember dan 9 Disember hingga 13 Disember ini untuk perbicaraan.



Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi di Mahkamah Shah Alam

19. Zahid tak mengaku salah 33 tuduhan rasuah

SHAH ALAM: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, terhadap 33 pertuduhan menerima suapan berjumlah RM42.76 juta berhubung Sistem Visa Luar Negara antara 2014 hingga 2017.

Ahmad Zahid, 66, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik kesemua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Rozilah Salleh.

Semalam, Ahmad Zahid mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas tujuh pertuduhan rasuah berhubung perkara sama berjumlah S\$4.24 juta (anggaran RM1=\$53.06 Singapura) dan ini menjadikan jumlah keseluruhan pertuduhan yang dihadapi Ahmad Zahid melibatkan visa ialah 40 pertuduhan.

Daripada 33 pertuduhan hari ini, 26 pertuduhan terhadap Presiden UMNO adalah mengikut Seksyen 16 (a) (B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), iaitu sebagai Menteri Dalam Negeri, secara rasuah menerima suapan berjumlah S\$9,320,000 daripada Syarikat Ultra Kirana Sdn Bhd sebagai upah baginya, untuk mengekalkan kontrak Perjanjian Untuk Membekalkan Sistem Bersepadu Visa Luar Negara (VLN) dan melanjutkan kontrak syarikat sama sebagai Pengendali Perkhidmatan One Stop Centre (OSC) di China dan sistem VLN.

Bagi pertuduhan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan, Ahmad Zahid didakwa sebagai pegawai awam, mendapatkan bagi dirinya, barang berharga iaitu wang tunai dalam pelbagai mata wang iaitu RM3,125,000, S\$1,150,000, €15,000, AS\$15,000, tanpa balasan daripada syarikat sama, yang diketahuinya mempunyai hubungan rasmi dengannya.

Dia didakwa melakukan semua kesalahan itu antara Oktober 2014 hingga Oktober 2017 di sebuah rumah di Country Heights Kajang.

Jika sabit kesalahan, Ahmad Zahid berdepan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut yang mana lebih tinggi, bagi kesalahan Seksyen 16(a)(B) manakala bagi kesalahan Seksyen 165, dia boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Mukhzany Fariz Mohd Mokhtar memberitahu mahkamah, berikutan jumlah suapan adalah RM42.76 juta selepas semua mata wang asing itu ditukar ke ringgit, manakala tertuduh juga adalah seorang yang berprofil tinggi, pendakwaan menawarkan jaminan sebanyak RM1 juta dengan seorang penjamin.

Katanya, arahan supaya pasport antarabangsa Ahmad Zahid untuk diserahkan kepada mahkamah sudah dilaksanakan berikutan dokumen perjalanan itu sudah pun diserahkan kepada Mahkamah di Jalan Duta pada prosiding kes sebelum ini.

Bagaimanapun, peguam Kitson Foong membantah nilai jaminan itu dan menyatakan mengikut Seksyen 389 Kanun Tatacara Jenayah, jaminan yang dikenakan seharusnya bersesuaian dan berpatut untuk memastikan kehadiran tertuduh.

Ahmad Zahid kemudian dibebaskan dengan jaminan RM500,000 dengan seorang penjamin warga negara Malaysia.

Hakim menetapkan 29 Julai ini untuk tarikh sebutan semula kes.

Susulan 33 pertuduhan terbaharu hari ini dan tujuh pertuduhan semalam, Ahmad Zahid kini berdepan 87 pendakwaan rasuah dan pecah amanah.

Pada 19 Oktober dan 14 Disember 2018 serta 20 Februari lalu, Ahmad Zahid mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur terhadap 47 pertuduhan dengan 12 pertuduhan pecah amanah, lapan pertuduhan rasuah dan 27 pengubahan wang haram melibatkan puluhan juta ringgit milik Yayasan Akalbudi.

Kesnya kemudian dipindahkan ke Mahkamah Tinggi dan mahkamah itu telah menetapkan 18 November hingga 22 November, 2 Disember hingga 6 Disember dan 9 Disember hingga 13 Disember untuk perbicaraan.



AZAM BAKI

20. Senarai responden terbaru saman lucut hak berkaitan dana 1MDB dikeluarkan 2 minggu lagi

BANTING: Senarai terbaru individu dan entiti terbabit kes permohonan perlucutan hak sivil berkaitan dana 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang difaiklan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), akan dikeluarkan sekurang-kurangnya dalam tempoh dua minggu lagi.

Timbalan Pesuruhjaya (Operasi) SPM, Datuk Seri Azam Baki, berkata pihaknya memerlukan masa untuk membuat penelitian lanjut mengenai saksi, lokasi aset dan pelbagai aspek lain memandangkan senarai responden itu terlalu panjang.

"Kami perlu tengok balik dan menyenarai pendek dahulu nama-nama yang kami ada ini sebab ada banyak perkara perlu dibincang dengan pegawai penyiasat dan pihak peguam negara, yang mana boleh diambil tindakan undang-undang, kami akan lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas penutupan Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPM Siri 23 Bil 1/2018 dan Kursus Peralihan (Pengurusan dan Profesional) Siri 4/2019, di sini, hari ini.

Bagaimanapun Azam enggan mendedahkan anggaran jumlah individu dan entiti yang bakal menerima saman itu, namun menyarankan mana-mana pihak yang pernah menerima dana berkenaan supaya memulangkannya semula.

"Sebenarnya, mereka sendiri tahu yang mereka ada terima wang (dana 1MDB) kerana ia diberi dalam bentuk cek, bukan secara tunai.

"Nasihat saya, eloklah mereka pulangkan semula (dana 1MDB) sebab tindakan undang-undang yang boleh dikenakan kepada mereka adalah di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AMLA)," katanya.

Semalam, Azam dilapor berkata lebih banyak lagi saman itu akan dikeluarkan susulan suruhanjaya berkenaan sudah memfail saman terhadap 41 individu dan entiti pada minggu lalu bagi mendapatkan kembali RM270 juta dana 1MDB.



LIM Guan Eng (tengah) menyampaikan bantuan kepada mangsa ribut di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bagan, Jalan Kampung Gajah, Butterworth, Pulau Pinang

21. Pulangkan wang 1MDB - Guan Eng

BUTTERWORTH: Kementerian Kewangan menyarankan mana-mana pihak yang pernah menerima wang atau dana daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB) supaya menghubungi kementerian itu untuk urusan pemulangan wang terbabit.

Menterinya, Lim Guan Eng, berkata kementerian juga sudah menujuhkan satu akaun khas bagi mengumpulkan semua dana atau wang yang diterima berkaitan 1MDB.

"Berdasarkan maklumat yang kita terima, dana 1MDB ini disalurkan kepada ramai pihak. Langkah terbaik adalah untuk menghubungi Kementerian Kewangan dan memulangkan dana terbabit."

"Sama ada mereka bakal disiasat atau tidak, terserah kepada SPRM, namun memulangkan wang itu membuktikan keikhlasan (kepada negara)," katanya selepas Majlis Penyerahan Bantuan di Pusat Khidmat Parliment Bagan di sini, hari ini.

Baru-baru ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mendedahkan 41 pihak termasuk syarikat, persatuan dan individu antara yang menerima sumbangan dana 1MDB.

Guan Eng berkata, tiga persatuan pengamal media berbahasa Cina di Pulau Pinang menerima RM50,000 setiap satu, daripada dana 1MDB.

"Tiga persatuan itu ialah Penang Press Club, Penang Chinese Reporters and Photographers Association serta Journalist Union of North Malaysia."

"Rekod kami jelas membuktikan mereka adalah penerima dana 1MDB, malah mereka juga tidak menafikannya. Mereka mungkin pada asalnya tidak tahu dana itu kepunyaan 1MDB, tetapi sekarang saya berpendapat mereka perlu pulangkan wang itu," katanya.

Sementara itu, Guan Eng berkata, tindakan pembangkang yang meminta kerajaan menyiasat beberapa pemimpin Pakatan Harapan (PH) kerana pernah menerima dana 1MDB, adalah mengarut dan tidak masuk akal.

"Tidak masuk akal untuk kita minta mereka pulangkan wang yang tidak pernah mereka dapat daripada 1MDB," katanya.



Kementerian sedang menjalankan proses pemutihan bagi mengenal pasti jumlah sebenar pesawah di seluruh negara, sekali gus mengelak berlaku ketirisan pengagihan subsidi baja

22. Proses pemutihan pesawah, elak ketirisan subsidi baja

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menjalankan proses pemutihan bagi mengenal pasti jumlah sebenar pesawah di seluruh negara, sekali gus mengelak berlaku ketirisan pengagihan subsidi baja.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata proses pemutihan itu dijalankan dari semasa ke semasa termasuk membabitkan keseluruhan petani dan nelayan.

Beliau mengakui pendekatan pengagihan subsidi baja perlu diubah bagi mengelak berlaku penyelewengan berterusan.

"Sejak saya mula masuk pejabat dulu lagi, dari semasa ke semasa memang kita membuat pemutihan bertujuan mendapatkan fakta dan angka terkini jumlah petani khususnya pesawah di seluruh negara termasuk pemutihan nelayan.

"Jadi, berdasarkan proses pemutihan itu, kita masih mengumpulkan fakta dan bakal memuktamadkan jumlah sebenar pesawah supaya tidak berlaku penyelewengan," katanya selepas menghadiri Majlis Rumah Terbuka Parti Amanah Negara (AMANAH), di sini, hari ini.



Presiden Parti AMANAH, Mohamad Sabu (empat dari kiri) bersama Salahuddin (tiga dari kanan) meraikan tetamu yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka AMANAH di Kawasan Kejiran Semarak. - Foto Rohanis Shukri

Beliau berkata demikian ketika mengulas laporan eksklusif BH mengenai ketiadaan data lengkap jumlah petani aktif dipercayai menyebabkan kerajaan kerugian jutaan ringgit setiap tahun akibat ketirisan dan penyelewengan agihan subsidi baja.

BH melaporkan walaupun kerajaan secara tetap menyalurkan subsidi dan insentif berjumlah RM1.9 bilion khususnya baja setiap tahun, pengeluaran perkapita padi negara menyaksikan penurunan iaitu 2,741 tan pada 2015; 2,740 tan pada 2016 dan terus merosot kepada 2,571 pada 2017.

Mengikut rekod, terdapat 155,000 pesawah di seluruh negara, namun difahamkan jumlah mereka yang aktif dengan keluasan kawasan diusahakan tidak dikemaskini sejak 20 tahun lalu.

Salahuddin berkata, menyedari sistem pengagihan subsidi baja perlu diubah, pihaknya mahu memperkenalkan pendekatan baharu yang dapat memastikan subsidi diberi kepada pesawah sepatutnya.

Beliau berkata, pihaknya akan memperkenalkan pendekatan dan cadangan baharu selepas data berkaitan jumlah pesawah diperoleh.

"Saya rasa perlu buat pendekatan baharu dalam bentuk yang kita perkenalkan iaitu memberi subsidi pada peringkat output, maknanya lebih banyak hasil dikeluarkan petani, lebih banyak bantuan diberikan berbanding sebelum ini iaitu insentif dan baja diberi di peringkat input.

"Apa yang penting ialah data itu perlu dikemaskini dan mesti betul serta tepat untuk mengelak ketirisan dan salah guna kuasa," katanya.

Salahuddin berkata, proses pemutihan itu juga dapat mengenal pasti isu sebenar membabitkan pesawah, selain pihaknya juga sedang memantau semua pegawai yang terbabit dalam urusan subsidi.